Persiap graduan ke alam kerjaya, UMS anjur SME Bank Career Day

UB 04.07.2024 P.08

KOTA KINABALU: Menyedari pelbagai cabaran graduan memasuki alam kerjaya, Pusat Kerjaya dan Pembangunan Keusahawanan Pelajar (PKPKP) Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan program SME Bank Career Day @ UMS.

Pengarah PKPKP, Profesor Madya Ts. Dr. Sidah Idris, berkata program itu memberi pendedahan mengenai pelbagai peluang pekerjaan serta mengenal pasti minat dan kemahiran berkaitan dunia perbankan.

Selain itu, ia membantu dan membimbing pelajar merancang laluan kerjaya yang sesuai dengan aspirasi dan potensi diri.

"Program ini membantu pelajar memahami keperluan industri dan membina rangkaian profesional yang berguna.

"Dengan kerjasama SME Bank, program ini mendedahkan dengan lebih terperinci tentang program latihan industri dan Graduate Talent yang ditawarkan oleh SME Bank.

"Saya percaya program ini akan memberi manfaat besar kepada para pelajar dalam menyediakan diri mereka untuk melangkah ke alam kerjaya dengan lebih yakin dan bersedia," katanya.

Pada program itu, seramai 60 pelajar daripada pelbagai program akademik menyertai program tersebut yang turut menyediakan bengkel penyediaan resume serta aktiviti bersifat interaktif.

"Saya berharap semua peserta memanfaatkan sepenuhnya peluang ini.

"Gunakanlah setiap sesi sebagai platform menimba ilmu, bertanya soalan dan membina jaringan yang akan membantu dalam perjalanan kerjaya kelak," katanya.*

ALBUM: Sidah (duduk, tengah) merakamkan gambar kenangan bersama para peserta program.